

Kerjaya Prospek dapat kontrak bina hospital di Seremban 2



Lakaran artis kompleks hospital swasta di Bandar Seremban Utama

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Kerjaya Prospek Group Bhd, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd memperoleh kontrak RM98.78 juta daripada Sena Letrik (M) Sdn Bhd untuk kerja-kerja pembinaan, luaran, mekanikal dan elektrik membabitkan cadangan projek sebuah hospital swasta di Negeri Sembilan.

Kontrak itu meliputi pembinaan kompleks hospital swasta di Bandar Seremban Utama, Seremban 2, yang terdiri daripada blok hospital lapan tingkat dengan satu aras bawah tanah serta kemudahan sokongan.

"Kontrak itu akan dimulakan serta-merta dan dijadualkan siap dalam tempoh 18 bulan," kata kumpulan itu melalui satu makluman kepada Bursa Malaysia.

Kerjaya Prospek berkata, kontrak itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih kumpulan, sambil menyediakan aliran hasil tambahan pada tahun depan.